

# Semangat Maulidur Rasul semai rasa mahabbah

**H**ari keputeraan Nabi Muhammad SAW diraikan dengan penuh bermakna pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2018 kerana ia bukan sekadar bermalimat menyemai kecintaan terhadap Rasulullah SAW, bahkan satu inspirasi kepada warganya untuk mengikut acuan Baginda dalam segenap aspek kehidupan.

Dimulakan dengan perarakan Maulidur Rasul seawal jam lapan pagi, 2,000 warga UKM mewakili kumpulan kakitangan dan pelajar mengambil bahagian dengan berjalan sambil mengalunkan selawat menuju ke lokasi sambutan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM.

Majlis sambutan tahunan yang membawa tema 'Menyantuni Umat Membawa Rahmat' itu menunjukkan kesatuan juga kemufakatan seperti dianjurkan Islam dan dibawa oleh Rasulullah SAW dalam dakwahnya dipraktikkan sepenuhnya apabila keseluruhan pengisian berjaya dilaksanakan dengan baik dengan pembabitannya sepenuhnya warga UKM sendiri.

Ia adalah acara kemuncak bagi sambutan Maulidur Rasul yang sebelumnya dipenuhi pelbagai program, termasuk Festival Kesenian Islam 2018.

Antara acara yang dipertandingkan sepanjang berlangsung Festival Kesenian Islam 2018, termasuk pertandingan hafazan, syarahan, tilawah al-Quran, khat, reka poster infografik, reka cipta video pendek mengenai Rasulullah SAW, nasyid dan esei.

Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata sambutan Maulidur Rasul kali ini diharapkan menjadi iktibar untuk umat Islam mencontohi akhlak serta mengamalkan sunnah Baginda dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

"Perutusan Baginda SAW tidak memadai dengan sekadar mengadakan majlis seumpama ini, tetapi kita perlu mengorak langkah lebih jauh lagi dengan membina kekuatan tamadun dan kecemerlangan umat Islam, sama ada kekuatan dalam bidang ekonomi, pendidikan, politik dan kemasyarakatan.

"Semoga dengan kemajuan umat Islam dalam pelbagai bidang ini, kita akan menjadi umat yang kuat, disegani serta mendapat kerediaan Allah SWT," katanya ketika menyampaikan



Perarakan majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia, di Bangi.

ucapan perasmian.

## Semai rasa mahabbah

Noor Azlan turut berpesan kepada kakitangan dan mahasiswa UKM supaya menjalankan amanah dan tugas harian dengan panduan seperti diberikan Rasulullah SAW.

"Jadikanlah perintah Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW sebagai panduan utama dalam melaksanakan tugas bagi menjayakan misi dan peranan UKM sebagai pendaulat amanah negara.

"Mudah-mudahan dengan berpandukan al-Quran dan sunnah, UKM mampu melahirkan kakitangan dan mahasiswa yang berkualiti, sama ada dari segi akhlak, prestasi kerja serta pembelajaran.

"Semangat Maulidur Rasul yang disambut ini juga diharap dapat menyemaikan rasa mahabbah (kasih dan cinta) kita yang berterusan dan berkekalan untuk junjungan besar Nabi Muhammad SAW," katanya.

Pada masa sama, majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan pentas, termasuk alunan selawat secara berkumpulan oleh kumpulan perarakan mengikut zon masing-masing.

Mengalunkan rangkaian selawat yang berlainan, termasuk selawat syafa'ah, selawat fathilah dan selawat badariah, ia secara tidak langsung memberikan ilmu baharu kepada khalayak untuk mengamalkan jenis selawat bersefat pelbagai.

Selain itu, persembahan syara-

han oleh Johan Kategori Perempuan, Pertandingan Syarahan, Festival Kesenian Islam 2018, Nur Najwa Hussein dengan tajuk *Mencintai Rasulullah SAW* cukup menimbulkan kerinduan dan keinsafan kepada khalayak supaya kita tidak terus leka dibuati kemanisan dunia dengan meninggalkan suruhan Allah SWT dan amanat Nabi Muhammad SAW.

"Amat tenat jika dilihat keadaan ummah hari ini yang zikir di bibir tidak lagi berbunyi, solat pula dipinggir sepi.

## Syafaat Rasulullah SAW

"Justeru, marilah kita sama-sama beribadah kepada Allah SWT supaya syafaat Rasulullah SAW dapat mengiringi kita.

"Rasulullah tidak lagi bersama kita, tanpa Baginda dunia ini tidak lagi berseri. Lihat sahaja, bencana alam kian menyinggah bumi, media sosial menjadi fitnah duniawi, apatah lagi membabitkan aktiviti golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT)," katanya.

Turut memberikan suntikan kesadaran dan menjentik emosi khalayak adalah persembahan khas daripada warga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM dengan drama pendek bertajuk 'Rasulullah Idolaku'.

Ia mengupas permasalahan umat Islam hari ini yang hidupnya serba tidak kena, lalai dan meninggalkan jalan kebenaran kerana Rasulullah SAW tidak dijadikan qudwah hasanah (suri te-

ladan) dalam mengharungi dunia yang serba mencabar.

Antara lain, pentas sambutan Maulidur Rasul UKM disemarakkan lagi dengan persembahan nasyid, termasuk daripada Johan Pertandingan Nasyid, Festival Kesenian Islam 2018, Kumpulan Lasykar Khaleefah yang menyampaikan lagu bertajuk *Khulifah*.

Sementara itu, Johan ketua perbarisan perarakan Maulidur Rasul bagi kategori kolej kediaman yang dimenangi oleh Kolej Dato' Onn, Eqmal Jamaludin, berkata kemenangan itu tidak disangka-sangka kerana persediaan dilakukan pada saat akhir.

"Kami bersyukur kerana diumumkan sebagai pemenang kerana cuma sempat melakukan persiapan tiga hari sebelum acara berlangsung termasuk membuat sependuk kreatif, bertatih selawat dan kompong bersama ahli kumpulan lain seramai 60 orang.

"Apatah lagi buat julung kali kategori kolej kediaman dipertandingkan untuk sambutan kali ini, ia sudah tentu memberikan lebih semangat untuk kami melakukan yang terbaik," katanya.

Pada majlis sama, akhbar *BH* turut mengedarkan poster kempen #JomCintaNabi bersempena Maulidur Rasul kali ini, selain ada antara pelajar UKM turut mengambil peluang menyertai Peraduan Jom Selawat iaitu dengan cara memuat naik video selawat secara kreatif di media sosial termasuk Facebook dan Instagram.

## Komentari



Latifah Arifin  
latifah@khs.com.my

## 1 Hari 1 Sunnah

### MEMBAYAR HUTANG

Abu Hurairah RA berkata Rasulullah SAW berhutang seekor unta dan membayar hutang itu dengan unta yang lebih besar. Iaitu Baginda bersabda "Orang yang terbaik dalam kalangan kamu ialah orang yang terbaik dalam membayar hutang."

(HR Muslim)